



Headline	Misi besar UiTM Melaka		
MediaTitle	Harian Metro(www.hmetro.com.my)		
Date	26 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	16	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 500
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,500

Misi besar UiTM Melaka

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z9156966462&z=1600249637](http://c.moreover.com/click/here.pl?z9156966462&z=1600249637)

Melaka: Selepas muncul juara Kejohanan Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (IPT) Zon Selatan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Durian Tunggal baru-baru ini, pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka bertekad layak ke Divisyen Tiga IPT musim depan. Namun pasukan itu perlu melepasi halangan pasukan terbaik peringkat akhir kelayakan kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Julai ini sebelum beraksi di Divisyen Tiga. Jurulatih UiTM Melaka Mohd Suffian Zulkhaini berkata, halangan tetap getir dari setiap juara dan naib juara zon termasuk UiTM Puncak Alam, Politeknik Perak, UNIKL Mitec dan Kolej Komuniti Perlis. Bagaimanapun pemain bertekad memberi persembahan terbaik untuk mencatat sejarah baru kampus terbabit. Beliau berkata, latihan agresif ketika ini diharap mampu menjulang kejayaan pasukan selepas cemerlang menewaskan UniKL MITEC, 3-2 di final, baru-baru ini. Menurutnya, perhatian tinggi diberi kepada semua pasukan yang bakal menjadi halangan termasuk Universiti Utara Malaysia (UUM), UPSI, Politeknik Terengganu dan kolej Komuniti Perlis. "Apapun saya yakin pemain mampu mempamerkan aksi terbaik dan mengharapkan tuah memihak kepada pasukan. Sokongan pengurusan universiti dan warga kampus turut memberi impak besar terhadap perjuangan pasukan di peringkat akhir ini," katanya. Sementara itu pembantu jurulatih Hasnol Hadi Hashim turut meletakkan harapan tinggi kejayaan pasukan tambahan semangat pemain amat positif untuk mara ke final sambil mengingatkan pasukan supaya tidak terlalu yakin dan fokus untuk memenangi perlawanan. Artikel ini disiarkan pada : 2013/